



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 49

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA 1971

Sebagaimana pada 1 Februari 2013

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
2013

**AKTA LEMBAGA KEMAJUAN IKAN
MALAYSIA 1971**

Tarikh Perkenan Diraja 27 September 1971

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 30 September 1971

Kali terakhir dipinda melalui
Akta A1416 yang mula
berkuat kuasa pada 1 Julai 2012

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1993

Cetakan Semula Yang Kedua 1999

Cetakan Semula Yang Ketiga 2006

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 49****AKTA LEMBAGA KEMAJUAN IKAN
MALAYSIA 1971**

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I**PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II**LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA**

3. Pemerbadanan Lembaga
 4. Fungsi Lembaga
 5. Pegawai dan pekhidmat Lembaga
 6. Kumpulan Wang
 7. Meminjam wang
 8. Pelaburan
 9. Akaun dan Audit
 10. Laporan Tahunan
- 10A. Tiada seorang pun yang mempunyai kepentingan boleh dilantik sebagai ahli atau diambil kerja sebagai pegawai atau pekhidmat Lembaga
- 10B. Penzahiran kepentingan yang sedia ada
- 10C. Surcaj

BAHAGIAN III**KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN****Seksyen**

11. Memberi kuasa kepada pegawai untuk menjalankan kuasa di bawah Bahagian ini
- 11A. Penguatkuasaan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin
12. Kuasa untuk memasuki premis
13. Kuasa bagi menangkap, menyita, menyiasat dan mendakwa
14. Kuasa untuk memberhentikan dan memeriksa
15. Kuasa untuk mengambil milik

BAHAGIAN IV**KESALAHAN, PENALTI DAN PROSIDING**

16. Kesalahan menghalang
17. Penalti am
18. Beban membuktikan
19. Kuasa Mahkamah untuk merampas
20. Bidang kuasa
21. Kecualian

BAHAGIAN V**AM**

22. Rayuan terhadap keputusan Lembaga
23. Kaedah-kaedah
- 23A. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tata tertib
- 23B. Penamatan demi kepentingan awam
24. Kerahsiaan dan penalti
25. Pekhidmat awam
26. Pelindungan terhadap prosiding undang-undang

JADUAL PERTAMA**JADUAL KEDUA**

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 49

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA 1971

Suatu Akta bagi memperbadankan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan bagi membuat peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengannya.

[*Semenanjung Malaysia—1 November 1971,
P.U.(B) 378/1971;
Sarawak—1 Julai 1973, P.U.(B) 269/1973;
Sabah—1 Ogos 1995, P.U.(B) 358/1995]*]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971.

(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

(3) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi Negeri atau bahagian yang berlainan dalam Malaysia.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ahli” ertinya mana-mana ahli Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia termasuk Pengerusi, Pengerusi sementara dan mana-mana ahli sementara yang dilantik di bawah subseksyen 3(5);

“ikan” termasuklah apa-apa jenis ikan laut, ikan air payau atau ikan air tawar, kerang-kerangan, siput air, bunga karang, trepang dan hidup-hidupan dalam air yang lain dan penghasilan daripadanya, tetapi tidak termasuk penyu atau telur penyu;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Lembaga yang dilantik di bawah subseksyen 3(3);

“Kumpulan Wang” ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 6;

“Lembaga” ertinya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi perikanan;

“pegawai diberi kuasa” ertinya seseorang pegawai yang diberi kuasa di bawah seksyen 11;

“pemasaran” ertinya penjualan, pembelian, pengumpulan, penyimpanan, pengangkutan, pemprosesan, pemeringkatan, pembungkusan, pengiklanan dan penggalakan;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia;

“Pengerusi sementara” ertinya seseorang Pengerusi sementara Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang dilantik di bawah subseksyen 3(5);

“Persatuan Nelayan” ertinya mana-mana Persatuan Nelayan yang ditubuhkan di bawah Akta Persatuan Nelayan 1971 [Akta 44].

BAHAGIAN II

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

Pemerbadanan Lembaga

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan bernama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (kemudian daripada ini disebut "Lembaga") ditubuhkan, yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas namanya, dan, tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, boleh membuat kontrak dan mempunyai kuasa bagi memperoleh dan memegang harta alih atau harta tak alih dan bagi melupuskannya atau dengan cara lain membuat apa-apa urusan mengenainya.

(2) Jadual Pertama kepada Akta ini hendaklah berkuat kuasa berkenaan dengan Lembaga.

(3) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut yang dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Ketua Pengarah;
- (c) seorang wakil Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- (d) seorang wakil Perbendaharaan;
- (e) seorang wakil Jabatan Perikanan di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- (f) seorang wakil Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
- (g) seorang wakil Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan; dan
- (h) tidak lebih daripada 5 orang yang berpengalaman dan telah menunjukkan kebolehan dalam perkara yang berhubungan dengan industri perikanan atau pemasaran, kewangan atau pentadbiran.

(4) Menteri hendaklah apabila melantik orang yang disebut dalam perenggan 3(h) memberikan pertimbangan tentang keperluan pelbagai kepentingan dan wilayah dalam Malaysia diwakili.

(5) Seorang Pengerusi sementara atau seorang ahli sementara boleh dilantik dalam masa Pengerusi atau ahli Lembaga tidak berupaya buat sementara (sama ada oleh sebab sakit atau tidak berada dalam Malaysia atau oleh apa-apa sebab lain), dan Pengerusi sementara atau ahli sementara itu hendaklah dilantik dengan cara yang serupa seperti Pengerusi atau ahli dilantik di bawah seksyen ini.

(6) Seseorang ahli Lembaga hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, dan adalah layak dilantik semula.

(7) Menteri boleh memberi Lembaga arahan secara am yang selaras dengan peruntukan Akta ini tentang menjalankan fungsi dan kuasa Lembaga.

Fungsi Lembaga

4. (1) Fungsi Lembaga ialah—

- (a) menggalakkan dan memajukan pengurusan yang cekap dan berkesan mengenai perusahaan perikanan dan pemasaran ikan;
- (b) mengadakan dan menyelia kemudahan kredit bagi pengeluaran ikan dan memastikan bahawa kemudahan ini digunakan sepenuhnya;
- (c) mengambil bahagian dalam perusahaan perikanan dan bagi maksud itu mengambil bahagian dalam pembinaan bot dan pengeluaran bekalan dan kelengkapan menangkap ikan;
- (d) menggalakkan, menggiatkan, memudahkan dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial Persatuan Nelayan;
- (e) mendaftarkan, mengawal dan menyelia Persatuan Nelayan dan mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berhubungan dengannya; dan
- (f) mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti yang disebut terdahulu.

(2) Lembaga mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang semunasabahnya perlu untuk atau bersampingan dengan menjalankan fungsinya di bawah subseksyen (1) dan khususnya, tetapi tanpa menyentuh keluasan yang disebut terdahulu—

- (a) mengadakan peraturan mengenai pemasaran ikan khususnya dengan jalan melesenkan penjual borong, penjual runcit, pemproses ikan, pengimport dan pengeksport;
- (b) menetapkan dan mengadakan peraturan mengenai pembungkusan, pemeringkatan, penimbangan dan penyimpanan ikan;
- (c) menukuhkan, mengadakan peraturan mengenai dan, jika perlu, menguruskan, mengenai sesuatu kawasan, suatu pasar jual borong ikan di mana semua transaksi jual borong ikan di kawasan itu akan dijalankan mengikut tatacara yang ditentukan oleh Lembaga;
- (d) menetapkan cara, mengadakan peraturan mengenai, kemasukan dan tatacara yang hendaklah diikuti di, penjualan yang dijalankan di sesuatu pasar jual borong ikan, dan jika sesuatu jualan lelong diadakan di situ, menetapkan cara bagaimana penjualan itu boleh dijalankan;
- (e) mengadakan peraturan mengenai pemprosesan ikan;
- (f) melarang, mengadakan peraturan mengenai atau mengawal pemindahan ikan;
- (g) menghendaki orang yang mengambil bahagian dalam pemprosesan atau pemasaran ikan supaya berdaftar dan memberikan dengan apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga apa-apa maklumat yang difikirkannya perlu;
- (h) melantik ejen bagi maksud menjalankan fungsinya;
- (i) mengenakan fi atau apa-apa bayaran lain yang difikirkannya patut bagi menguatkuasakan mana-mana daripada kuasa atau fungsinya;
- (j) menerima sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberikan olehnya apa-apa komisen atau bayaran sebagaimana yang dipersetujui;

- (k) dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, mengambil bahagian dalam ekuiti, jika yang demikian itu, pada pendapatnya, adalah perlu, berfaedah atau sesuai untuk atau berkaitan dengan menjalankan fungsinya;
- (l) menjalankan segala aktiviti yang didapatinya perlu, berfaedah atau sesuai untuk atau berkaitan dengan menjalankan fungsinya, termasuk pembinaan bot dan pengendalian menangkap ikan, pengeluaran bekalan dan kelengkapan menangkap ikan, pengangkutan, pembungkusan, pemprosesan, penjualan bekalan, kelengkapan dan barang menangkap ikan, pemeringkatan, penyimpanan, penjualan secara lelong dan cara-cara pemasaran lain amnya bagi ikan dan bagi menguruskan aktiviti itu;
- (m) menjalankan segala fungsi dan kuasa dan melaksanakan segala kewajipan yang mungkin terletak hak atau diwakilkan kepadanya di bawah atau menurut mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

(2A) Walau apa pun perenggan (2)(a), lesen bagi pengimport dan pengeksport ikan hendaklah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan dan mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

(3) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, dari semasa ke semasa—

- (a) menujuhkan perbadanan di bawah subseksyen ini; dan
- (b) menujuhkan atau menggalakkan penubuhan atau peluasan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125],

dengan apa-apa nama sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga, untuk melaksanakan, menjaga, menjalankan dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dirancangkan atau diusahakan oleh Lembaga pada menjalankan fungsinya dan jika Lembaga berbuat demikian, peruntukan—

- (i) Jadual Kedua kecuali perenggan 4A; dan
- (ii) Akta Syarikat 1965,

hendaklah masing-masingnya terpakai bagi perbadanan dan syarikat itu.

(4) Sebagai tambahan kepada dan tidak sebagai mengurangkan kuasanya di bawah subseksyen (3) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, memohon untuk didaftarkan sebagai suatu syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 sesuatu perbadanan yang telah ditubuhkan di bawah perenggan (3)(a) dan jika Lembaga berbuat demikian—

- (a) peruntukan subperenggan 4A(1) dan (2) sahaja dalam Jadual Kedua; dan
- (b) apabila perbadanan itu didaftarkan sedemikian, peruntukan subperenggan 4A(3) dan (4) sahaja dalam Jadual Kedua, dan Akta Syarikat 1965,

hendaklah terpakai bagi perbadanan itu dengan sewajarnya.

Pegawai dan pekhidmat Lembaga

5. (1) Ketua Pengarah Lembaga hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan hari ke hari hal ehwal Lembaga dan bagi menjalankan apa-apa kewajipan dan kuasa sebagaimana yang diamanahkan atau diwakilkan oleh Lembaga atau Pengerusi apabila bertindak bagi pihak Lembaga.

(2) Lembaga boleh melantik pegawai dan pekhidmat sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk menjalankan hal ehwal Lembaga dengan cekap.

(3) Pegawai dan pekhidmat Lembaga hendaklah memegang jawatan selama suatu tempoh, menerima gaji dan elauan dan tertakluk kepada apa-apa syarat perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

(4) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kuasa seorang pegawai diberi kuasa di bawah Akta ini.

Kumpulan Wang

6. (1) Bagi maksud Akta ini suatu kumpulan wang (kemudian daripada ini disebut “Kumpulan Wang”) ditubuhkan yang hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh Lembaga—

- (a) yang ke dalamnya akan dimasukkan—
 - (i) apa-apa wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Parlimen;

- (ii) apa-apa wang yang diperoleh oleh Lembaga dalam menjalankan fungsi Lembaga di bawah atau menurut peruntukan Akta ini;
 - (iii) apa-apa wang yang diperoleh atau terbit daripada apa-apa kemajuan, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau terletak hak pada Lembaga;
 - (iv) wang yang dipinjam oleh Lembaga bagi maksud menjelaskan apa-apa tanggungannya atau bagi maksud menjalankan apa-apa fungsinya; dan
 - (v) segala wang atau harta lain sama ada harta alih atau harta tak alih yang mungkin dengan apa-apa cara kena dibayar kepada atau terletak hak pada Lembaga;
- (b) yang daripadanya akan dibayar—
- (i) semua perbelanjaan (termasuk perbelanjaan modal) yang dilakukan oleh Lembaga pada menjalankan fungsi dan kuasanya; dan
 - (ii) wang bagi membayar balik apa-apa pinjaman yang telah diberikan kepada Lembaga menurut kuasanya untuk meminjam.

(1A) Subperenggan (1)(a)(v) tidak terpakai jika mana-mana perbadanan yang telah ditubuhkan di bawah perenggan 4(3)(a) didaftarkan sebagai suatu syarikat menurut subseksyen 4(4).

(2) Sebelum permulaan bulan Jun setiap tahun, Lembaga hendaklah menghantar kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan (termasuk perbelanjaan bagi projek pembangunan) bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri; dan Menteri hendaklah sebelum permulaan bulan November tahun itu memberitahu Lembaga amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan pada amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap perihalan perbelanjaan.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan kesemua atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan yang dimasukkan dalam anggaran tambahan itu.

Meminjam wang

7. Lembaga boleh, mengikut terma dan syarat yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, meminjam apa-apa amaun diperlukan oleh Lembaga bagi menjalankan sesuatu fungsinya.

Pelaburan

8. Aset Kumpulan Wang hendaklah, setakat yang wang itu tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Lembaga di bawah Akta ini, dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Akaun dan Audit

9. (1) Lembaga hendaklah menyimpan akaun yang sepatutnya dan rekod lain berkenaan dengan perjalannya dan hendaklah menyediakan penyata akaun bagi setiap tahun kewangan.

(2) Akaun Lembaga hendaklah diaudit oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit lain yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

(3) Selepas berakhir setiap tahun kewangan dan sebaik sahaja akaun Lembaga diaudit, Lembaga hendaklah menyebabkan supaya suatu salinan penyata akaun itu mengikut cara sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri dihantar kepada Menteri, bersama dengan suatu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit lain yang dilantik di bawah subseksyen (2) mengenai mana-mana penyata atau mengenai akaun Lembaga.

(4) Menteri hendaklah menyebabkan supaya suatu salinan tiap-tiap penyata dan pandangan itu dibentangkan di hadapan setiap Majlis Parlimen.

Laporan Tahunan

10. Lembaga hendaklah tidak lewat daripada 30 haribulan Jun setiap tahun menyebabkan supaya dibuat dan dihantar kepada Menteri suatu Laporan berkenaan dengan kegiatan Lembaga sepanjang tahun yang lalu dan mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan perjalanan dan dasar Lembaga sebagaimana yang dikehendaki dari semasa ke semasa oleh Menteri.

Tiada seorang pun yang mempunyai kepentingan boleh dilantik sebagai ahli atau diambil kerja sebagai pegawai atau pekhidmat Lembaga

10A. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada seorang pun boleh dilantik sebagai seorang ahli atau diambil kerja sebagai seorang pegawai atau pekhidmat Lembaga jika dia mempunyai apa-apa kepentingan, secara langsung atau secara tidak langsung dalam—

- (a) sesuatu perusahaan yang dalamnya Lembaga telah mengambil atau bercadang hendak mengambil bahagian dalam ekuiti menurut perenggan 4(2)(k);
- (b) sesuatu perbadanan atau syarikat yang ditubuhkan, digalakkan, diperluas atau didaftarkan menurut subseksyen 4(3) dan 4(4); atau
- (c) sesuatu syarikat atau pengusahaan yang dengannya Lembaga atau sesuatu perusahaan, perbadanan atau syarikat yang disebut dalam perenggan (a) atau (b) bercadang hendak membuat suatu kontrak atau telah membuat suatu kontrak yang masih berkuat kuasa.

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1) dan tertakluk kepada subseksyen (3), orang itu boleh dilantik sebagai seorang ahli Lembaga di bawah perenggan 3(3)(h) tetapi pada melantiknya sedemikian, Menteri boleh mengenakan apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkan patut oleh Menteri.

(3) Sebelum seseorang dilantik sebagai seorang ahli atau diambil kerja sebagai seorang pegawai atau pekhidmat Lembaga, dia hendaklah menzahirkan dengan sepenuhnya—

- (a) kepada Menteri, jika dia akan dilantik sebagai ahli; dan
- (b) kepada Lembaga, jika dia akan diambil kerja sebagai seorang pegawai atau pekhidmat,

apa-apa kepentingan yang disebut dalam subseksyen (1), dan apabila dia dilantik atau diambil kerja sedemikian, orang itu tidak boleh memperoleh mana-mana kepentingan itu lagi.

(4) Tertakluk kepada subseksyen 10B(1), seseorang ahli yang dilantik atau seseorang pegawai atau pekhidmat yang diambil kerja berlawanan dengan subseksyen (1), atau yang apabila dilantik

atau diambil kerja memperoleh mana-mana kepentingan itu lagi, hendaklah dibatalkan pelantikannya dengan serta-merta oleh Menteri atau pekerjaannya hendaklah ditamatkan oleh Lembaga tanpa notis, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Seseorang, ahli, pegawai atau pekhidmat yang melanggar seksyen ini, seksyen 10B atau sesuatu syarat atau sekatan yang dikenakan di bawah seksyen ini atau di bawah seksyen 10B adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

(6) Bagi maksud seksyen ini dan seksyen 10B, pemunyaan atau pemerolehan sesuatu kepentingan itu sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1) oleh suami atau isteri atau mana-mana daripada anaknya hendaklah disifatkan sebagai memberi orang, ahli, pegawai atau pekhidmat yang berkenaan itu suatu kepentingan tidak langsung.

Penzahiran kepentingan yang sedia ada

10B. (1) Tiap-tiap ahli, pegawai atau pekhidmat yang mempunyai apa-apa kepentingan sebagaimana yang disebut dalam subseksyen 10A(1) hendaklah, dalam tempoh enam bulan dari tarikh mula berkuatkuasanya seksyen ini, menzahirkan dengan sepenuhnya kepada Lembaga hakikat kepentingan dan jenis kepentingan itu dan penzahiran itu hendaklah dicatatkan dalam minit Lembaga dan ahli itu tidak boleh pada bila-bila masa mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding Lembaga yang berhubungan dengan pengusahaan, perusahaan, syarikat, perbadanan atau kontrak yang dalamnya dia mempunyai kepentingan itu dan pegawai atau pekhidmat itu hendaklah berhenti menjalankan semua kuasa dan kewajipan yang berhubungan dengannya, tetapi ahli, pegawai atau pekhidmat itu boleh terus menjadi—

- (a) seorang ahli tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Menteri; atau
- (b) seorang pegawai atau pekhidmat tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Lembaga.

(2) Jika ahli yang mempunyai kepentingan itu ialah Pengerusi, dia hendaklah berhenti menjadi Pengerusi dan seorang ahli lain hendaklah dipilih untuk menjadi pengerusi semasa prosiding yang berhubungan dengan pengusahaan, perusahaan, syarikat, perbadanan atau kontrak yang dalamnya dia mempunyai kepentingan itu.

(3) Seseorang ahli, pegawai atau pekhidmat yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman yang diperuntukkan dalam subseksyen 10A(5).

Surcaj

10c. (1) Jika didapati oleh Lembaga bahawa mana-mana orang yang sedang atau pernah bekerja dengan Lembaga—

- (a) telah gagal mengutip apa-apa wang yang terhutang kepada Lembaga yang pemungutannya menjadi tanggungjawabnya;
- (b) adalah atau pernah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang daripada Kumpulan Wang yang tidak sepatutnya dibuat atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak disahkan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau pernah bertanggungjawab, secara langsung atau tidak langsung, atas apa-apa kekurangan dalam, atau bagi pemusnahan, apa-apa wang, setem, sekuriti, storan atau harta lain Lembaga;
- (d) sebagai, atau semasa menjadi pegawai perakaunan, gagal atau telah gagal menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya;
- (e) telah gagal membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau pernah bertanggungjawab bagi apa-apa kelambatan dalam pembayaran, wang daripada Kumpulan Wang kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Lembaga,

Lembaga hendaklah menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak sepatutnya disurcajkan, dan jika penjelasan yang memuaskan hati tidak

diberikan, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penyampaian notis yang disebut terdahulu, kepada Lembaga berkenaan dengan kegagalan mengutip, pembayaran yang tidak sepatutnya dibuat, pembayaran yang tidak disahkan dengan sewajarnya, kekurangan atau pemusnahan, atau kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, atau kegagalan membuat pembayaran, atau kelambatan dalam membuat pembayaran, Lembaga boleh mensurajkan terhadap orang tersebut suatu amaun yang tidak melebihi amaun apa-apa amaun sedemikian yang tidak dikutip, apa-apa bayaran, kekurangan, atau kerugian atau nilai harta yang musnah, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan berkenaan dengan kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, atau kegagalan membuat pembayaran, atau kelambatan dalam membuat pembayaran, Lembaga boleh mensurajkan terhadap orang tersebut apa-apa amaun sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga itu.

(2) Pengerusi hendaklah menyebabkan Ketua Pengarah diberitahu tentang apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan Ketua Pengarah hendaklah sesudah itu memberitahu orang yang disurcaj itu.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika didapati selainnya bahawa tiada surcaj patut dibuat, dan Pengerusi hendaklah dengan segera menyebabkan Ketua Pengarah diberitahu tentang penarikan balik itu.

(4) Amaun apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan tidak ditarik balik di bawah subseksyen (3) hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga daripada orang yang terhadapnya surcaj itu dibuat dan boleh didakwa dan didapatkan di dalam mana-mana mahkamah atas guaman Lembaga dan boleh juga didapatkan melalui potongan—

- (a) daripada gaji orang yang disurcaj jika Lembaga mengarahkan sedemikian; atau
- (b) daripada penceن orang yang disurcaj jika Lembaga mengarahkan sedemikian,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau penceن bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

BAHAGIAN III**KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN****Memberi kuasa kepada pegawai untuk menjalankan kuasa di bawah Bahagian ini**

11. (1) Menteri boleh memberi kuasa secara bertulis kepada mana-mana pegawai awam atau pegawai Lembaga untuk menjalankan kuasa di bawah Bahagian ini.

(2) Pada menjalankan mana-mana daripada kuasa di bawah Bahagian ini pegawai itu hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya tindakan diambil olehnya di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya, surat kuasa yang dikeluarkan kepadanya oleh Menteri.

Penguatkuasaan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin

11A. (1) Walau apa pun seksyen 11, penguatkuasaan berhubung dengan ikan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin hendaklah dijalankan oleh pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 mengikut kuasa di bawah Akta itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), “pintu masuk”, “stesen kuarantin” dan “premis kuarantin” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepada ungkapan itu dalam Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Kuasa untuk memasuki premis

12. Jika mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa sesuatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya, pegawai itu boleh memasuki mana-mana premis yang dipunyai atau diduduki oleh mana-mana orang dan boleh menjalankan apa-apa penyelidikan dan pemeriksaan (termasuklah penyelidikan dan pemeriksaan buku-buku) sebagaimana yang difikirkannya perlu dan boleh menyita

dan menahan apa-apa buku, suratan atau benda lain yang dijumpai dalam premis itu yang boleh memberikan keterangan tentang sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya.

Kuasa bagi menangkap, menyita, menyiasat dan mendakwa

13. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis boleh—

- (a) menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dia ada sebab untuk mempercayai telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya, jika orang itu enggan memberikan nama dan alamatnya atau jika memberikan suatu alamat di luar Malaysia atau jika ada alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu telah memberikan suatu nama atau alamat palsu atau bahawa dia mungkin akan melarikan diri:

Dengan syarat bahawa apabila seseorang telah ditangkap seperti yang disebut terdahulu, tindakan hendaklah kemudiannya diambil terhadapnya sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang berkuat kuasa pada masa ini; dan

- (b) menyita apa-apa juga benda yang difikirkannya perlu disita berhubung dengan keterangan yang perlu bagi membuktikan berlakunya sesuatu kesalahan itu.

(2) Mana-mana pegawai diberi kuasa dan mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh, berhubung dengan apa-apa penyiasatan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya tanpa perintah Pendakwa Raya, menjalankan kuasa khas yang berhubungan dengan penyiasatan polis, yang diberikan oleh undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah dalam apa-apa kesalahan boleh tangkap.

(3) Apa-apa pendakwaan berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya boleh dijalankan oleh seseorang pegawai diberi kuasa.

Kuasa untuk memberhentikan dan memeriksa

14. (1) Jika seseorang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis mempunyai syak yang munasabah bahawa sesuatu kenderaan sedang membawa apa-apa ikan bersalahan dengan mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya, adalah sah di sisi undang-undang bagi pegawai itu memberhentikan dan memeriksa kenderaan itu bagi maksud menentukan sama ada apa-apa ikan ada terkandung di dalamnya atau sedang dipindahkan atau diangkut bersalahan dengan peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya dan orang yang mengawal atau menjaga kenderaan itu hendaklah, jika dikehendaki supaya berbuat demikian oleh pegawai itu, memberhentikan kenderaan itu dan membenarkan pegawai itu memeriksanya.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga mana-mana kenderaan yang diperiksa di bawah peruntukan seksyen ini hendaklah, apabila diminta oleh pegawai diberi kuasa atau pegawai polis itu, membuka semua bahagian kenderaan itu untuk diperiksa oleh pegawai itu dan mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan pegawai itu menjalankan apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu.

Kuasa untuk mengambil milik

15. (1) Jika mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang sedang melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya, dia boleh mengambil milik dengan apa-apa cara yang difikirkannya patut, apa-apa ikan yang berkenaan dengannya dia mempunyai sebab untuk mempercayai sesuatu kesalahan itu telah dilakukan atau mana-mana kereta, vesel atau barang lain yang telah digunakan bagi melakukan sesuatu kesalahan itu atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai dicadangkan hendak digunakan bagi melakukan kesalahan itu.

(2) Jika apa-apa ikan telah diambil milik di bawah seksyen ini, Ketua Pengarah—

(a) boleh, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya telah dilakukan dan prosiding jenayah telah dimulakan terhadap mana-mana

orang yang berkenaan dengan kesalahan itu, memohon kepada Majistret untuk suatu perintah supaya ikan itu dijual atau dilupuskan dan jika ikan itu diperintahkan supaya dijual, hasil penjualan itu hendaklah disimpan sehingga prosiding jenayah itu selesai; atau

- (b) boleh, dalam apa-apa hal yang lain, memulihkan pemilikan kepada pemunyanya.

(3) Jika mana-mana kereta, vesel atau barang lain telah diambil milik di bawah seksyen ini, Ketua Pengarah—

- (a) boleh menurut budi bicaranya, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya telah dilakukan, memulangkan bagi sementara kereta, vesel atau barang lain itu kepada pemunyanya apabila jaminan diberikan dengan memuaskan hatinya bawah kereta, vesel atau barang lain itu akan diserahkan balik kepadanya apabila diminta; atau

- (b) boleh, dalam apa-apa hal yang lain, memulihkan pemilikan kepada pemunyanya.

(4) (a) Ketua Pengarah boleh secara bertulis mewakilkan kuasanya di bawah subseksyen (2) dan (3) kepada mana-mana pegawai diberi kuasa dan boleh pada bila-bila masa menarik balik mana-mana pewakilan itu.

- (b) Walau apa pun pewakilan itu, Ketua Pengarah boleh, jika difikirkannya patut, menjalankan kuasa yang diwakilkannya sedemikian.

BAHAGIAN IV

KESALAHAN, PENALTI DAN PROSIDING

Kesalahan menghalang

16. Seseorang yang menghalang atau mengadang Ketua Pengarah, mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis pada menjalankan dengan sah mana-mana daripada kuasanya di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Penalty am

17. (1) Seseorang selain sesuatu pertubuhan perbadanan, tetapi termasuk seseorang pengarah atau pegawai sesuatu pertubuhan perbadanan, yang melakukan sesuatu kesalahan di bawah, atau yang tidak mematuhi, mana-mana daripada peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya yang penalti baginya tidak diperuntukkan dengan nyatanya boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kali kedua atau kali kemudian, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Sesuatu pertubuhan perbadanan yang melakukan sesuatu kesalahan di bawah, atau yang tidak mematuhi, Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit dan, bagi kesalahan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

(3) Jika seseorang yang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah mana-mana daripada peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya ialah suatu pertubuhan perbadanan, tiap-tiap orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang pengarah atau pegawai bagi pertubuhan perbadanan itu boleh dipertuduh bersesama dalam prosiding itu dengan pertubuhan perbadanan itu dan jika pertubuhan perbadanan itu disabitkan atas kesalahan yang dipertuduhkan itu, tiap-tiap pengarah atau pegawai itu hendaklah disifatkan sebagai bersalah atas kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau bahawa dia telah mengambil langkah-langkah pengawasan yang munasabah untuk mengelakkan kesalahan itu daripada dilakukan.

(4) Seseorang yang kalau boleh dikenakan apa-apa penalti di bawah mana-mana daripada peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya bagi apa-apa perkara yang dilakukan atau ditinggalkan jika perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan olehnya sendiri, boleh dikenakan penalti yang sama jika perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan oleh pekongsi, ejen atau pekhidmatnya, melainkan jika dia membuktikan bahawa dia telah mengambil langkah pengawasan yang munasabah untuk mengelakkan perkara itu daripada dilakukan atau ditinggalkan.

Beban membuktikan

18. (1) Dalam apa-apa pendakwaan berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya atas suatu pertuduhan melakukan sesuatu perbuatan yang menyalahi undang-undang melainkan jika orang yang melakukan perbuatan itu berhak melakukan yang sedemikian oleh sebab dia ialah pemegang sesuatu lesen, permit atau kebenaran, keizinan, kuasa atau pengecualian bertulis yang mengehakkannya melakukan perbuatan itu, adalah memadai bagi pihak pendakwa mengatakan dan membuktikan bahawa orang itu telah melakukan perbuatan itu dan beban hendaklah kemudiannya terletak pada orang yang dituduh itu bagi membuktikan bahawa dia telah berhak melakukan perbuatan itu.

(2) Dalam apa-apa pendakwaan berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya, pengemukaan oleh orang yang menjalankan pendakwaan itu sesuatu invois asal atau sesuatu invois pendua yang telah dibuktikan sebagai telah dijumpai dalam milikan penjual hendaklah, jika orang yang menjalankan pendakwaan itu meminta sedemikian, diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai sesuatu penjualan oleh penjual itu dan mengenai semua fakta yang dinyatakan dalam invois asal atau invois pendua itu dan walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang yang berlawanan yang pada masa ini berkuat kuasa, beban bagi membuktikan bahawa penjualan itu telah tidak berlaku atau bahawa sesuatu fakta yang dinyatakan dalam invois asal atau invois pendua itu bukanlah seperti apa yang dinyatakan itu hendaklah terletak pada orang yang dituduh itu.

Kuasa Mahkamah untuk merampas

19. Jika seseorang disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya, Mahkamah boleh memerintahkan supaya dirampas—

(a) kesemua atau sebahagian daripada hasil penjualan apa-apa ikan yang telah dijual di bawah seksyen 15, yang berkenaan dengannya kesalahan itu telah dilakukan dan yang telah disita oleh, atau dengan cara lain telah sampai ke dalam milikan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis;

- (b) mana-mana kereta, vesel atau barang lain harta kepunyaan orang yang dituduh itu yang digunakan olehnya untuk melakukan kesalahan itu atau yang telah dicadangkan hendak digunakan bagi melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya.

Bidang kuasa

20. Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, sesuatu Mahkamah Sesyen mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya, dan untuk mengawardkan hukuman sepenuhnya bagi mana-mana kesalahan itu.

Kecualian

21. Tiada apa-apa prosiding boleh dimulakan di bawah Akta ini terhadap mana-mana orang yang diberi kuasa dengan sempurna bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah, jika orang itu telah dengan diketahuinya melakukan atau meninggalkan daripada melakukan sesuatu perbuatan yang tetap menjadi suatu kesalahan jika tidak kerana peruntukan seskyen ini dengan syarat bahawa orang itu telah melakukan atau telah meninggalkan daripada melakukan perbuatan itu dengan niat hendak mendapatkan keterangan bagi maksud hendak mendakwa penjual itu atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya.

BAHAGIAN V

AM

Rayuan terhadap keputusan Lembaga

22. Jika menurut peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya sesuatu lesen dikehendaki untuk pemprosesan atau pemasaran apa-apa ikan, mana-mana orang yang terkilan dengan keengganan Lembaga untuk mengeluarkan

atau membaharui atau dengan penarikan balik oleh Lembaga, lesen itu, atau dengan pengenaan syarat ke atas lesen itu, boleh dalam tempoh tiga puluh hari dari keputusan itu diberitahukan kepadanya secara bertulis merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri itu adalah muktamad.

Kaedah-kaedah

23. Lembaga boleh dengan kelulusan Menteri membuat kaedah-kaedah secara amnya bagi menjalankan peruntukan Akta ini, dan khususnya tetapi tanpa menyentuh keluasan perkara yang disebut terdahulu, kaedah-kaedah itu boleh—

- (a) mengadakan peraturan mengenai pengawalan dan pengurusan apa-apa bantuan (sama ada kewangan atau selainnya) yang boleh diberikan kepada perusahaan menangkap ikan;
- (b) menetapkan apa-apa fi atau bayaran yang perlu bagi maksud Akta ini;
- (c) dengan kelulusan Menteri Kewangan membuat peruntukan untuk menubuhkan dan menguruskan suatu kumpulan wang simpanan caruman bagi pegawai dan pekhidmat Lembaga, atau untuk membayar pencen, elauan atau ganjaran kepada pegawai dan pekhidmat yang tersebut itu apabila bersara atau dengan cara lain berhenti memegang jawatan sebagai pegawai dan pekhidmat itu;
- (d) menetapkan apa-apa perkara yang dikehendaki ditetapkan oleh Akta ini; dan
- (e) menetapkan bahawa apa-apa perbuatan atau peninggalan yang bersalah dengan peruntukan mana-mana kaedah itu hendaklah menjadi suatu kesalahan.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tatatertib

23A. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan tatatertib sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk mengadakan peruntukan mengenai tatatertib pegawai dan pekhidmat Lembaga.

(2) Peraturan-peraturan tata tertib yang dibuat oleh Lembaga di bawah seksyen ini boleh mengandungi peruntukan mengenai tahan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain, atau peruntukan mengenai penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain, seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga sementara menanti prosiding tata tertib selesai.

(3) Peraturan-peraturan tata tertib yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mewujudkan apa-apa kesalahan tata tertib dan mengadakan peruntukan mengenai apa-apa hukuman tata tertib sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan kerja atau penurunan pangkat.

(4) Peraturan-peraturan tata tertib yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah, dalam menetapkan tatacara bagi prosiding tata tertib, memberi orang yang terhadapnya prosiding tata tertib diambil peluang membuat representasi terhadap pertuduhan tata tertib yang dibuat terhadapnya sebelum keputusan dicapai oleh Jawatankuasa Tata tertib kecuali dalam hal-hal yang berikut:

- (a) jika seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;
- (b) jika Lembaga, atas syor Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal dalam negeri, berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suai manfaat untuk menjalankan kehendak subseksyen ini; atau
- (c) jika telah dibuat terhadap seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi, atau jika telah dikenakan terhadap seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya, di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen atau pelindungan wanita dan gadis.

- (5) Peraturan-peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mengadakan peruntukan mengenai tatacara bagi pendengaran rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib.
- (6) Bagi maksud seksyen ini, “pegawai” termasuklah Ketua Pengarah.

Penamatan demi kepentingan awam

23B. (1) Jika Lembaga mendapati atau jika representasi dibuat kepada Lembaga bahawa adalah wajar perkhidmatan seseorang pegawai atau pekhidmat ditamatkan demi kepentingan awam, Lembaga boleh meminta laporan penuh daripada pegawai atasan pegawai atau pekhidmat yang terhadapnya representasi itu dibuat yang hendaklah mengandungi butir-butir berhubung dengan kerja dan kelakuan pegawai atau pekhidmat itu.

(2) Jika, setelah menimbangkan laporan yang diterima di bawah subseksyen (1), Lembaga berpuas hati bahawa setelah mengambil kira syarat perkhidmatan, kebergunaan pegawai atau pekhidmat itu, kerja dan kelakuan pegawai atau pekhidmat itu dan segala hal keadaan lain kes itu, adalah wajar demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, Lembaga boleh menamatkan perkhidmatan pegawai atau pekhidmat itu mulai dari tarikh yang hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

(3) Adalah sah di sisi undang-undang bagi Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan untuk mengesyorkan kepada Lembaga supaya perkhidmatan seseorang pegawai atau pekhidmat itu ditamatkan demi kepentingan awam walaupun prosiding tatatertib belum dijalankan di bawah Akta ini dan Lembaga boleh menamatkan perkhidmatan pegawai atau pekhidmat itu sedemikian.

(4) Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini dan mana-mana undang-undang lain yang berlawanan, dalam menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai atau pekhidmat demi kepentingan awam di bawah seksyen ini, pegawai atau pekhidmat itu tidak perlu diberi apa-apa peluang untuk didengar dan seseorang pegawai atau pekhidmat yang perkhidmatannya telah ditamatkan demi kepentingan awam di bawah seksyen ini tidak boleh dianggap telah dibuang kerja, tanpa mengira sama ada penamatan perkhidmatan

pegawai atau pekhidmat itu melibatkan suatu unsur hukuman atau berkaitan dengan kelakuan yang berhubungan dengan jawatannya yang dianggap oleh Lembaga tidak memuaskan atau patut disalahkan.

Kerahsiaan dan penalti

24. (1) Kecuali bagi maksud Akta ini atau bagi maksud sesuatu prosiding jenayah di bawah Akta ini, tiada seorang pun ahli, pegawai atau pekhidmat Lembaga boleh menzahirkan apa-apa maklumat berkenaan dengan mana-mana satu perniagaan yang telah didapati olehnya semasa menjalankan kewajipannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

(2) Seseorang yang dengan diketahuinya melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

Pekhidmat awam

25. Semua ahli, pegawai dan pekhidmat Lembaga dan mana-mana pegawai diberi kuasa hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

Pelindungan terhadap prosiding undang-undang

26. (1) Tiada apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh dibawa atau dimulakan terhadap diri seseorang ahli Lembaga atau terhadap diri pegawai atau pekhidmat yang dilantik oleh Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat *bona fide* dalam menurut atau melaksanakan atau pelaksanaan yang dicadangkan bagi Akta ini.

(2) Jika seseorang dikecualikan daripada tanggungan semata-mata kerana peruntukan seksyen ini, Lembaga adalah bertanggungan setakat yang ia akan bertanggungan jika orang itu ialah seorang pekhidmat atau ejen Lembaga.

JADUAL PERTAMA**[Seksyen 3]**

1. (1) Seseorang ahli Lembaga (selain Pengerusi) hendaklah disifatkan telah mengosongkan jawatannya jika dia tidak hadir mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran bertulis Pengerusi.

(2) Hendaklah dibayar kepada ahli-ahli Lembaga atau kepada mana-mana ahli sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, selepas berundinng dengan Menteri Kewangan, apa-apa gaji, saraan atau elauan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

2. (1) Lembaga boleh melantik jawatankuasa bagi apa-apa maksud yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan mana-mana kuasa, kewajipan dan fungsinya di bawah Akta ini; mana-mana jawatankuasa yang dilantik sedemikian hendaklah termasuk tidak kurang daripada seorang ahli Lembaga, dan bolehlah dilantik ke jawatankuasa itu mana-mana orang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Mana-mana jawatankuasa yang dilantik di bawah subperenggan (1) boleh melantik satu jawatankuasa kecil atau lebih; mana-mana jawatankuasa kecil yang dilantik sedemikian hendaklah termasuk tidak kurang daripada seorang ahli jawatankuasa yang melantiknya itu, dan bolehlah dilantik ke jawatankuasa kecil itu mana-mana orang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh jawatankuasa yang melantiknya itu.

(3) Mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang dilantik sedemikian hendaklah menepati apa-apa arahan yang diberikan kepadanya dari semasa ke semasa oleh Lembaga, dan Lembaga boleh pada bila-bila masa menghentikan atau mengubah keanggotaan mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang dilantik sedemikian.

(4) Bolehlah dibayar kepada ahli mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa kecil apa-apa saraan atau elauan sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

(5) Lembaga, jawatankuasa atau jawatankuasa kecil boleh, masing-masingnya, mempelawa mana-mana orang yang, pada pendapatnya, mempunyai pengetahuan khas yang berfaedah kepadanya, untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga, jawatankuasa atau jawatankuasa kecil dan orang yang dipelawa sedemikian tidaklah berhak mengundi dalam mana-mana mesyuarat itu.

(6) Apa-apa minit bagi mana-mana mesyuarat mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa kecil bolehlah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti lanjut dan tiap-tiap mesyuarat itu hendaklah disifatkan telah dipanggil dan dilangsungkan dengan sewajarnya dan semua ahli jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang hadir dalam mesyuarat itu hendaklah disifatkan telah berkelayakan dengan sewajarnya untuk bertindak.

3. (1) Hendaklah ada suatu Jawatankuasa Tatatertib Lembaga yang hendaklah terdiri daripada dua orang ahli yang hendaklah dipilih oleh dan daripada ahli Lembaga, seorang daripada mereka hendaklah dipilih menjadi pengerusi, dan Ketua Pengarah yang dilantik di bawah subseksyen 3(3).

(2) Pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan tiap-tiap pegawai dan pekhidmat Lembaga, selain Ketua Pengarah, ialah Jawatankuasa Tatatertib Lembaga yang ditubuhkan di bawah subperenggan (1).

(3) Pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan Ketua Pengarah ialah Jawatankuasa Tatatertib yang hendaklah terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebagai pengerusi dan dua orang ahli yang hendaklah dipilih oleh dan daripada ahli Lembaga.

(4) Ketua Pengarah tidak boleh menjadi ahli Jawatankuasa Tatatertib dalam apa-apa prosiding di hadapan Jawatankuasa itu yang dalamnya dia menjadi pengadu; tempatnya hendaklah diambil oleh seorang ahli yang hendaklah dipilih oleh dan daripada ahli Lembaga.

(5) Pada menjalankan fungsi tatatertibnya, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mempunyai kuasa untuk mengenakan apa-apa hukuman tatatertib sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan yang boleh dibuat di bawah seksyen 23A.

(6) Jawatankuasa Tatatertib boleh, tertakluk kepada subperenggan (7), mewakilkan mana-mana fungsi, kuasa atau kewajipan tatatertibnya kepada mana-mana jawatankuasa pegawai atau pekhidmat Lembaga, berkenaan dengan mana-mana pegawai atau pekhidmat tertentu Lembaga atau berkenaan dengan mana-mana golongan atau kategori pegawai atau pekhidmat Lembaga, dan jawatankuasa yang kepadanya diwakilkan fungsi, kuasa atau kewajipan sedemikian hendaklah melaksanakan, menjalankan atau menunaikannya di bawah arahan atau kawalan Jawatankuasa Tatatertib yang hendaklah mempunyai kuasa untuk mengulang kaji, menghapuskan atau mengubah apa-apa keputusan atau dapatan jawatankuasa sedemikian.

(7) Tiada pewakilan boleh dibuat di bawah subperenggan (6) untuk membolehkan seseorang pegawai atau pekhidmat Lembaga menjadi ahli sesuatu jawatankuasa yang boleh menjalankan apa-apa kuasa tatatertib ke atas pegawai atau pekhidmat yang berpangkat lebih tinggi daripadanya.

(8) Sesuatu keputusan Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah subperenggan (1) boleh dirayukan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah perenggan 3A.

(9) Sesuatu keputusan Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah subperenggan (3) boleh dirayukan kepada Menteri.

(10) Lembaga Rayuan Tatatertib atau Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Jawatankuasa Tatatertib.

(11) Keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib atau Menteri di bawah subperenggan (10) adalah muktamad dan konklusif.

3A. (1) Hendaklah ada suatu Lembaga Rayuan Tatatertib Lembaga yang hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

- (a) Pengerusi yang hendaklah menjadi pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib itu dan hendaklah mempunyai undi pemutus; dan
- (b) tiga orang ahli Lembaga, yang bukan ahli Jawatankuasa Tatatertib yang keputusannya ialah hal perkara rayuan itu, yang hendaklah dilantik oleh pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib dengan kelulusan Lembaga bagi maksud rayuan itu.

(2) Apabila Lembaga Rayuan Tatatertib menimbangkan sesutau rayuan yang dibuat di bawah perenggan 3, seseorang ahli Jawatankuasa Tatatertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat yang juga ahli Lembaga tidak boleh hadir pada atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding berhubung dengan rayuan itu.

4. (1) Kuorum bagi mesyuarat Lembaga ialah empat.

(2) Dalam segala mesyuarat Lembaga Pengerusi, atau jika dia tiada, Pengerusi sementara, atau jika kedua-dua Pengerusi dan Pengerusi sementara tiada, mana-mana ahli yang dipilih oleh ahli yang hadir, hendaklah mempengerusikan mesyuarat.

(3) Jika mengenai apa-apa soalan yang hendak diputuskan oleh Lembaga terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi atau Pengerusi sementara hendaklah mempunyai undi pemutus.

(4) Tertakluk kepada subperenggan (1), (2) dan (3), Lembaga hendaklah menetapkan tatacaranya sendiri.

5. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan dan meterai sedemikian boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukarkan, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga:

Dengan syarat bahawa sehingga suatu meterai diperuntukkan di bawah perenggan ini, suatu cap yang mengandungi perkataan-perkataan “LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA” bolehlah digunakan sebagai meterai perbadanan.

(2) Meterai perbadanan Lembaga hendaklah disahkan oleh sama ada Pengerusi atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh salah seorang daripada mereka secara bertulis; dan segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai tersebut, disahkan seperti yang disebut terdahulu hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sahnya;

Dengan syarat bahawa mana-mana dokumen atau surat cara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan yang mungkin tidak dikehendaki dimeteraikan boleh, dengan cara yang serupa, disempurnakan bagi pihak Lembaga oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat Lembaga yang diberi kuasa secara am atau secara khas oleh Lembaga bagi maksud itu.

JADUAL KEDUA**[Seksyen 4]**

1. Pada atau sebelum tarikh sesuatu perbadanan ditubuhkan di bawah seksyen 4, Lembaga hendaklah membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan itu yang menyatakan—

- (a) maksud dan tujuan perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak, kuasa, kewajipan dan fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusannya; dan
- (d) perhubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan haknya bagi mengawal perbadanan itu.

2. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, sesuatu perbadanan adalah terikat dengan apa-apa peraturan yang telah dibuat di bawah perenggan 1 berkenaan dengan perbadanan itu dan peraturan-peraturan itu hendaklah berkuat kuasa bagi segala maksud seolah-olah ia telah diperbuat dalam Akta ini.

3. Lembaga boleh pada bila-bila masa meminda, membatalkan atau menambah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 berkenaan dengan sesuatu perbadanan.

4. (1) Lembaga boleh mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

(2) Apabila sesuatu perbadanan yang dibubarkan di bawah perenggan ini aset perbadanan itu hendaklah dipindahkan hakmiliknya dan terletak hak pada Lembaga selepas segala tanggungannya dijelaskan.

(3) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dilakukan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga.

4A. (1) Walau apa pun peruntukan perenggan 4, Lembaga boleh, menurut subseksyen 4(4), memohon untuk didaftarkan sebagai suatu syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 sesuatu perbadanan yang telah ditubuhkan di bawah perenggan 4(3)(a) tanpa menggulung dan membubarkan perbadanan itu terlebih dahulu.

(2) Dalam memohon sedemikian untuk didaftarkan sesuatu perbadanan sebagai suatu syarikat, Lembaga hendaklah mematuhi Akta Syarikat 1965, dan Akta ini tidak boleh ditafsirkan sebagai mengurangkan kuasa Pendaftar Syarikat di bawah Akta itu.

(3) Apabila sesuatu perbadanan didaftarkan sebagai suatu syarikat di bawah Akta Syarikat 1965, perbadanan itu hendaklah disifatkan sebagai dibubarkan, dan—

- (a) semua kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan atau tanggungan yang sebaik sebelum pendaftaran adalah kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan atau tanggungan perbadanan itu hendaklah turun kepada syarikat itu;

- (b) semua aset dan harta alih dan harta tak alih yang sebaik sebelum pendaftaran telah terletak hak pada perbadanan itu atau pada mana-mana orang yang bertindak bagi pihak perbadanan itu hendaklah, walau apa pun peruntukan subperenggan 4(2), terletak hak pada syarikat tanpa apa-apa pindah hak, serah hak atau pindah hakmilik dan syarikat itu hendaklah, berkenaan dengan semua harta tak alih, memohon kepada pihak berkuasa pendaftaran yang berkenaan untuk dibuat suatu catatan yang bermaksud demikian itu;
- (c) semua surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang ada sebaik sebelum pendaftaran bagi faedah atau terhadap perbadanan itu hendaklah berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya bagi faedah atau terhadap syarikat itu dan boleh dikuatkuasakan dengan sepenuhnya dan berkesan seolah-olah syarikat itu, bukannya perbadanan itu atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak perbadanan itu, telah dinamakan atau menjadi satu pihak dalamnya; dan
- (d) apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah atau apa-apa alasan tindakan yang belum selesai atau yang sedia ada sebaik sebelum pendaftaran oleh atau terhadap perbadanan itu atau oleh atau terhadap mana-mana orang yang bertindak bagi pihak perbadanan itu boleh diteruskan atau dibawa oleh atau terhadap syarikat itu sebagaimana ia mungkin boleh diteruskan atau dibawa oleh atau terhadap perbadanan itu.

(4) Jika timbul apa-apa kesulitan atau anomali berkenaan dengan peruntukan peralihan yang terkandung dalam perenggan ini, Menteri boleh, selepas berunding dengan Menteri yang bertanggungjawab bagi syarikat, dengan perintah membuat apa-apa ubah suaihan yang pada pendapatnya adalah perlu bagi menghapuskan, menyelesaikan atau mengelakkan kesulitan atau anomali itu tetapi Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subperenggan ini selepas tamat tempoh dua tahun dari pendaftaran sesuatu perbadanan sebagai suatu syarikat menurut subseksyen 4(4).

5. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 4 hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan mengikut apa-apa nama yang diberikan kepadanya oleh Lembaga dan hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas namanya itu, dan boleh membuat kontrak dan boleh memegang dan membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih dan boleh melakukan apa-apa perkara lain yang bersampingan atau berkenaan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan selaras dengan peruntukan Akta ini dan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau had sebagaimana yang ditetapkan bagi setiap satunya oleh Lembaga.

6. (1) Tiap-tiap perbadanan itu hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan, yang mengandungi sesuatu reka bentuk sebagaimana yang diluluskan oleh perbadanan itu dengan persetujuan Lembaga, dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukarkan, diubah dan dibuat baharu oleh perbadanan itu, dengan persetujuan Lembaga sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan itu.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh perbadanan di bawah perenggan ini suatu cap yang mengandungi nama perbadanan itu boleh digunakan sebagai meterai.

(3) Meterai perbadanan atau cap yang disebut dalam subperenggan (2) hendaklah disimpan dalam jagaan mana-mana orang yang diarahkan oleh perbadanan dan hendaklah disahkan oleh orang itu; dan semua surat ikatan, suratan dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu dan yang disahkan sebagaimana yang disebut terdahulu, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sahnya sehingga akasnya dibuktikan:

Dengan syarat bahawa apa-apa suratan atau surat cara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dicapkan dengan meterai, boleh disempurnakan oleh perbadanan itu dengan cara demikian itu juga; atau mana-mana suratan atau surat cara tersebut boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat perbadanan yang diberi kuasa secara am atau khas oleh perbadanan itu bagi maksud itu.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 49

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA 1971

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A201	Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1973	01-07-1973
Akta A261	Akta Persatuan Nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1974	16-08-1974
Akta A376	Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1977	s.2, 3, 4 dan 6: Semenanjung Malaysia— 01-11-1971; Sarawak— 01-07-1973; s.5: Semenanjung Malaysia & Sarawak— 18-03-1977
Akta A764	Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1990	01-08-1990
Akta A1051	Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1999	01-09-1999
Akta A1416	Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 2012	01-07-2012

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 49

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA 1971

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A201 Akta A261 Akta A376	01-07-1973 16-08-1974 Semenanjung Malaysia— 01-11-1971 Sarawak— 01-07-1973
3	Akta A201 Akta A376	01-07-1973 Semenanjung Malaysia— 01-11-1971 Sarawak— 01-07-1973
4	Akta A201 Akta A261 Akta A376 Akta A1416	01-07-1973 16-08-1974 Semenanjung Malaysia— 01-11-1971 Sarawak— 01-07-1973 01-07-2012
5	Akta A201 Akta A376	01-07-1973 Semenanjung Malaysia— 01-11-1971 Sarawak— 01-07-1973
6	Akta A376	Semenanjung Malaysia— 01-11-1971 Sarawak— 01-07-1973

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
10A	Akta A376	Semenanjung Malaysia dan Sarawak— 18-03-1977
10B	Akta A376	Semenanjung Malaysia dan Sarawak— 18-03-1977
10C	Akta A764	01-08-1990
11	Akta A201	01-07-1973
11A	Akta A1416	01-07-2012
12	Akta A201	01-07-1973
13	Akta A201	01-07-1973
14	Akta A201	01-07-1973
15	Akta A201 Akta A376	01-07-1973 Semenanjung Malaysia— 01-11-1971 Sarawak— 01-07-1973
16	Akta A201 Akta A376	01-07-1973 Semenanjung Malaysia— 01-11-1971 Sarawak— 01-07-1973
17	Akta A201	01-07-1973
18	Akta A201	01-07-1973
19	Akta A201 Akta A376	01-07-1973 Semenanjung Malaysia— 01-11-1971 Sarawak— 01-07-1973

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
20	Akta A201	01-07-1973
21	Akta A201 Akta A376	01-07-1973 Semenanjung Malaysia— 01-11-1971 Sarawak— 01-07-1973
22	Akta A201	01-07-1973
23	Akta A201	01-07-1973
23A	Akta A764 Akta A1051	01-08-1990 01-09-1999
23B	Akta A1051	01-09-1999
24	Akta A201	01-07-1973
25	Akta A201	01-07-1973
26	Akta A201	01-07-1973
Jadual Pertama	Akta A764 Akta A1051	01-08-1990 01-09-1999
Jadual Kedua	Akta A376	Semenanjung Malaysia— 01-11-1971 Sarawak— 01-07-1973
